# PARLIMEN MALAYSIA



**RANG UNDANG-UNDANG**

**Kanun Tanah Negara (Pindaan) 1982**

**DR.4/1982**

D. R. No. 4 82

**Naskhah sahih—Bahasa Inggeris**

# RANG UNDANG-UNDANG

*bernama*

Suatu Akta untuk meminda Kanun Tanah Negara.

[ ]

BAHAWASANYA adalah bermanfaat dipinda Kanun Tanah Negara bagi maksud hanya untuk menentukan persamaan undang-undang dan dasar:

OLEH YANG DEMIKIAN, menurut Perkara 76 (4) Perlembagaan Persekutuan, MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

**1.** Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) 1982. Tajuk ringkas.

**2.** Seksyen 101 Kanun Tanah Negara adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "fifteen" dalam perenggan (*b*) subseksyen (5) dengan perkataan "ten". Pindaan seksyen 101. *56/65.*

**3.** Pindaan yang dibuat oleh Akta ini hendaklah dipakai bagi Wilayah Persekutuan dan juga bagi Negeri-Negeri. Pemakaian bagi Wilayah Persekutuan.

---

## HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda seksyen 101 Kanun Tanah Negara bagi mengurangkan dari lima belas tahun ke sepuluh tahun lat tempoh minimum bagi penyemakan cukai yang dinyatakan dalam subseksyen (5) (*b*).

## *IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. ($U^2$) 900/1.]